

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN,
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**BILANGAN TAWARAN:
EGNC/PM/4.1/2.2026**

Replacement of EGNC Email Messaging Gateway with Maintenance and Support for 3 Years,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa, 31 Mac 2026

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran ini dibukakan kepada Syarikat atau Perusahaan yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Syarikat atau Perusahaan yang ingin turut serta didalam tawaran ini hendaklah:
 - a. **Tidak disenarai-hitamkan dan ditegah (*not blacklisted*)** oleh mana-mana Kementerian atau Jabatan Kerajaan untuk mengikuti sebarang tawaran di Negara Brunei Darussalam.
 - b. ***Certification Requirement: Tenderers must be certified partners with a current partnership status sufficient to procure licenses and provide vendor-level support.***
3. Untuk menyertai tawaran ini, mana-mana syarikat atau perusahaan hendaklah terlebih dahulu **melengkapkan Borang Pembelian Tawaran** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Kebangsaan E-Kerajaan <https://www.egnc.gov.bn/SitePages/Tender.aspx>
4. **Borang yang telah lengkap diisi** hendaklah dihadapkan ke Jabatan ini melalui emel kepada tender@egnc.gov.bn
5. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk membuat pembelian bagi tawaran ini hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran dan e-dokumen tawaran yang berjumlah **\$505.00 (tidak dikembalikan) melalui *online transfer*.**
6. **Nombor akaun akan diberikan melalui emel** setelah borang di atas diterima dengan lengkap.
7. Bagi Syarikat atau perusahaan yang telah membuat pembelian tawaran sahaja :
 - a. **Salinan asal resit pembayaran, e-dokumen tawaran dan Borang Pendaftaran Sesi Penerangan akan diberikan selepas pembayaran diterima.**

- b. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada **Selasa, 17 Mac 2026** di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan pada **jam 10 pagi** dan terhad kepada **tiga (3) orang wakil sahaja** bagi setiap syarikat
8. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui e-mel tender@egnc.gov.bn
9. **Tawaran (*Proposal*)** hendaklah dihantar dalam **sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi.**

Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/2.2026

Replacement of EGNC Email Messaging Gateway with Maintenance and Support for 3 Years,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 petang** pada hari **Selasa, 31 Mac 2026**.

10. Tawaran-tawaran yang diterima **lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.**
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.